

# AXCEL CEPHALEXIN-125 SUSPENSION

Cephalexin (125mg/5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Cephalexin-125 Suspension.
2. Bagaimana Axcel Cephalexin-125 Suspension berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Axcel Cephalexin-125 Suspension.
4. Cara menggunakan Axcel Cephalexin-125 Suspension.
5. Semasa menggunakan Axcel Cephalexin-125 Suspension.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Cephalexin-125 Suspension.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini.

## Apakah kegunaan Axcel Cephalexin-125 Suspension

Axcel Cephalexin-125 Suspension boleh digunakan untuk merawat jangkitan yang disebabkan oleh organisme rentan. Jangkitan yang boleh dirawat menggunakan Cephalexin ialah:

- Jangkitan saluran pernafasan.
- Jangkitan pada telinga, hidung dan kerongkong.
- Jangkitan saluran kencing.
- Profilaksis untuk jangkitan berulangan saluran kencing.
- Jangkitan ginekologi dan obstetri.
- Jangkitan pada kulit, tisu lembut dan tulang.
- Gonorea, penyakit kelamin (apabila Penicillin tidak sesuai digunakan).
- Prosedur pergigian.

## Bagaimana Axcel Cephalexin-125 Suspension berfungsi

Axcel Cephalexin-125 Suspension mengandungi bahan aktif Cephalexin.

Cephalexin adalah antibiotik yang tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dipanggil Cephalosporin. Ubat-ubat ini bertindak dengan membunuh bakteria yang menyebabkan jangkitan.

## Sebelum menggunakan Axcel Cephalexin-125 Suspension

### -Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda alergi atau hipersensitif kepada cephalosporin. Beberapa simptom reaksi alergi mungkin termasuk ruam kulit, gatal, sukar bernafas, Bengkak pada muka, bibir atau lidah.
- Jika ia tidak dipreskripsi oleh doktor atau ahli farmasi bertaualiah kepada anda.

### -Sebelum menggunakan Axcel Cephalexin-125 Suspension

Sebelum anda mengambil Axcel Cephalexin-125 Suspension anda perlu memaklumkan kepada doktor anda:

- Jika anda alergi pada mana-mana ubat-ubatan, makanan dan pewarna.
- Jika anda mengambil ubatan lain (termasuk yang tidak dipreskripsi oleh doktor anda).
- Jika anda pernah mengalami reaksi alergi terhadap penicillin. Mungkin terdapat peningkatan risiko anda menjadi alergi kepada Axcel Cephalexin-125 Suspension jika anda alergi terhadap penicillin.
- Jika anda menghidapi masalah kerosakan ginjal.
- Hamil dan menyusukan bayi.
- Jika anda perlu menjalani ujian air kencing atau darah.
- Jika anda mempunyai sejarah cirit-birit yang dikaitkan dengan antibiotik yang digunakan.

Sila dapatkan nasihat doktor sebelum mula menggunakan Axcel Cephalexin-125 Suspension jika anda mengandung, merancang untuk mengandung, menyusukan anak atau bercadang untuk menyusukan anak. Doktor anda akan merpertimbangkan risiko untuk anda mengambil Axcel Cephalexin-125 Suspension berbanding dengan faedah yang mereka harapkan untuk anda.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat, apabila diambil dengan Axcel Cephalexin-125 Suspension, ia boleh mengganggu antara satu sama lain. Ini termasuk:

- Cephalexin.
- Pil perancang
- *Probenecid*, ubat gout
- *Aminoglycosides*, untuk jangkitan
- Gentamicin, sejenis antibiotik
- Diuretik, pil air seperti *frusemide*

Doktor atau ahli farmasi anda mungkin mempunyai maklumat lanjut mengenai ubat-ubatan yang perlu diberikan perhatian atau dielakkan semasa mengambil ubat ini.

## Cara menggunakan Axcel Cephalexin-125 Suspension

### -Berapa banyak harus digunakan Dewasa

#### Bagi kebanyakan infeksi:

Kebanyakan jangkitan pada golongan dewasa akan bertindak balas terhadap dos oral 1g sehingga 2g sehari dalam dos yang dibahagikan.

#### Kanak-kanak:

Dos normal yang dicadangkan: 25mg-60mg/kg berat badan/hari.

Ikat semua arahan yang diberikan oleh doktor dan ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label, dapatkan bantuan doktor atau ahli farmasi anda.

Doktor anda mungkin akan mencadangkan dos yang berbeza untuk anda jika anda mempunyai masalah buah pinggang.

# AXCEL CEPHALEXIN-125 SUSPENSION

Cephalexin (125mg/5ml)

## Arahan untuk campuran:

Goncang botol dengan betul untuk meleraikan granul. Tambahkan sedikit air dahulu untuk mlarutkan granul dan goncang, kemudian tambah air sehingga ke penanda dan gantikan penutup. Goncang botol untuk mencampurkan ubat itu dengan betul.

## – Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan sekiranya anda perlu mengambil Axcel Cephalexin-125 Suspension.

## – Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda. Jangan berhenti mengambil ubat ini, walaupun anda berasa lebih baik selepas beberapa hari, kecuali dinasihatkan oleh doktor anda. Jangkitan anda mungkin tidak dirawat sepenuhnya jika anda berhenti mengambil ubat ini terlalu awal.

## – Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

## – Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Anda perlu hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke bahagian kecemasan hospital terdekat anda, jika anda fikir anda atau orang lain mengambil ubat ini secara berlebihan. Lakukan ini walaupun jika tiada tanda-tanda ketidaksesuaian atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

## Semasa menggunakan Axcel Cephalexin-125 Suspension

### – Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Axcel Cephalexin-125 Suspension.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.
- Jika anda mengalami cirit-birit yang teruk, maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda.

### – Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Axcel Cephalexin-125 Suspension dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

### – Perkara yang perlu diberi perhatian

- Dos berterusan mungkin mengakibatkan pertumbuhan bakteria atau kulat yang sukar dikawal.
- Ketika hamil atau menyusukan bayi.
- Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu kesan pengambilan Axcel Cephalexin-125 Suspension kepada anda.

## Kesan-sesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Cephalexin-125 Suspension boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun tidak semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-sesan sampingan biasa berikut telah dilaporkan:

- Gangguan gastrointestinal.
- Reaksi hipersensitiviti termasuk ruam, urtikaria (ruam yang timbul dan gatal pada kulit), eosinophilia (jumlah eosinofil yang luar biasa tinggi), demam, reaksi menunjukkan *serum sickness* (reaksi alergi) dan anafilaksis (reaksi alergi yang teruk).

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda menyedari sesuatu yang membuat anda berasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas juga boleh berlaku pada sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (Consumers -> Reporting).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Cephalexin-125 Suspension

### – Penyimpanan

Jauhkan Axcel Cephalexin-125 Suspension dari jangkauan kanak-kanak.

Pastikan bekas ubat ditutup rapat. Simpan dalam suhu bilik yang tidak mencapai 30°C sehingga dilarutkan. Selepas dilarutkan, simpan pada suhu 2-8°C dan gunakan dalam tempoh 7 hari.

### – Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### – Rupa dan warna produk

Axcel Cephalexin-125 Suspension ialah granul berwarna putih yang menghasilkan larutan berwarna kuning air dengan perisa buah-buahan setelah dicampur dengan air.

# AXCEL CEPHALEXIN-125 SUSPENSION

Cephalexin (125mg/5ml)

---

- Bahan-bahan kandungan

*Bahan Aktif:*

Cephalexin Monohydrate

*Bahan Tidak Aktif:*

Refined Sugar, Sodium Dihydrogen Phosphate Anhydrous, Xanthan Gum, PVP K30 dan Exotic Blend Flavour.

- Nombor MAL

MAL20020023A

**Pengilang dan pemegang pendaftaran produk**

KOTRA PHARMA (M) SDN BHD

No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,

Cheng Industrial Estate,

75250 Melaka, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

04/01/2016

**Nombor siri**

BPFK(R4/1)011215/00473